

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.2(23)

28 Disember 2022
4 Jamadilakhir 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 56/2022

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT SELEPAS BERKURSUS LEBIH 12 BULAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Dimaklumkan melalui surat edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.(S).800-1/3/2 (19) berkenaan Penambahbaikan Kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. Selaras dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 19/ 2022 bertarikh 11 Oktober 2022 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 122 bertarikh 19 Oktober 2022 bersetuju menerima pakai Surat Edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan surat JPA.(S).800-1/3/2 (19) bertarikh 20 September 2022 berkenaan perkara tersebut.

3. Penambahbaikan dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.7.1 (Penambahbaikan Kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan) kepada pegawai perkhidmatan awam seperti berikut:

- a) Melibatkan pegawai yang menamatkan kursus/ pengajian yang melebihi 12 bulan;
- b) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang mengikuti kursus lebih 12 bulan akan dianggap telah menghabiskan semua Cuti Rehat/ Cuti Rehat Khas;
- c) Mempunyai baki Cuti Rehat/ Cuti Rehat Khas sebelum pergi berkursus;
- d) Tertakluk kepada bilangan Cuti Rehat/ Cuti Rehat Khas sebelum pergi berkursus terhad kepada maksimum tujuh (7) hari (tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am); dan
- e) Boleh diambil dalam tempoh yang munasabah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

.4. Pindaan ceraihan dan ceraihan baharu di atas adalah **berkuat kuasa mulai 20 September 2022.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

GA/za/2022